

## **CABARAN DAN ELEMEN KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

### **The Challenges and Elements of Local Wisdom in Malaysia Halal Certification**

**Norhidayah Pauzi\***  
**Sa'adan Man\*\***

#### **ABSTRACT**

*Malaysia has conducted various halal programs such as organizing the Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), developing the International Halal Park Malaysia (MIHAP) and establishing halal hubs at the state level which have boosted Malaysia's position as the leader and centre of the international halal sector, which thus, has greatly contributed to the enhancement of Islamic economy worldwide. Halal certification is not only focused on food and beverage products but it comprehensively includes all aspects of human life such as finance, logistics, tourism, cosmetics and pharmaceuticals. The development of Malaysia's halal industry in its own criteria has proven that it is a type of Malaysian local wisdom. This article aims to highlight the historical aspects of halal certification development in Malaysia and the elements of local wisdom by*

---

\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, da\_my85@um.edu.my

\*\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, saadan@um.edu.my

*reviewing its successful contribution to the halal industry of the country as well as identifying the challenges. This article is based on library research which mainly rely on the documentation process by gathering data from primary sources and secondary sources such as books, journal articles and papers. Field studies were also conducted to obtain data from selected informants from the JAKIM Halal Hub Division. The findings show that the development and criteria of the Malaysian halal certification is mainly based on the values and rulings of the Shafii madhhab, i.e. the madhhab that has long been practiced by Malaysian Muslims since the early days. The Shafii madhhab has been a major reference in halal standards developed by the Department of Standards, the Manual Procedure for Malaysia Halal Certification provided by JAKIM and the national fatwa. This is due to the strong hold of the Malay community to the Shafii madhhab in their everyday life.*

**Keywords:** *halal certification, Shafii madhhab, standard, local wisdom*

## **PENDAHULUAN**

Kearifan tempatan atau sering disebut *local wisdom* dapat difahami sebagai usaha manusia dengan menggunakan akal budinya untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu, objek, atau peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu. Secara epistemologi, *wisdom* difahami sebagai kemampuan seseorang dalam menggunakan akal fikirannya dalam bertindak atau bersikap sebagai hasil penilaian terhadap sesuatu, objek, atau peristiwa yang terjadi. Sebagai sebuah istilah, *wisdom* sering diertikan sebagai ‘kearifan/kebijaksanaan’. Di akhir sedimentasi kearifan tempatan ini akan mewujudkan tradisi dan agama. Dalam kehidupan masyarakat, kearifan tempatan dapat ditemui dalam nyanyian, pepatah, semboyan dan kitab-kitab kuno yang melekat dalam perilaku seharian. Kearifan tempatan biasanya tercermin dalam kehidupan

hidup masyarakat yang telah berlangsung lama. Keberlangsungan kearifan tempatan akan tercermin dalam nilai-nilai yang berlaku dalam kelompok masyarakat tertentu. Nilai-nilai ini menjadi pegangan kelompok masyarakat yang tidak dapat dipisahkan dan diamanati melalui sikap dan perilaku mereka seharian. Hal ini jelas menunjukkan kearifan tempatan lebih menggambarkan satu fenomena spesifik yang biasanya akan mencari ciri khas komuniti kelompok tersebut.<sup>1</sup> Malaysia telah menjadi peneraju industri halal dengan penghasilan produk yang berkualiti tinggi di rantau Asia Tenggara. Malaysia berjaya memanfaatkan potensi dalam pasaran halal yang belum diterokai dan menjadikan ia sebagai satu peluang ekonomi baharu.<sup>2</sup> Berasaskan kepada realiti ini, artikel ini akan membahaskan tentang kearifan tempatan dalam pensijilan halal Malaysia. Artikel ini juga membincangkan cabaran semasa yang dihadapi serta mencadangkan penambahbaikan untuk mengembangkan pensijilan halal dipersada antarabangsa.

## **PERKEMBANGAN INDUSTRI HALAL MALAYSIA**

Perkembangan industri makanan halal bermula ketika negara masih bergantung kepada makanan import. Ini kerana, kos makanan import telah meningkat saban tahun akibat pertambahan bilangan penduduk dan peningkatan taraf hidup penduduk. Permintaan yang kian meningkat ini membawa kepada kenaikan harga makanan. Sehingga akhirnya, kenaikan harga makanan telah menyebabkan peningkatan kos import makanan dan berlakunya defisit dalam perdagangan makanan. Keadaan ini telah memberikan kesan yang besar dalam perkembangan ekonomi negara ketika berhadapan dengan krisis kewangan pada tahun 1997.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Mohamad Zaini et al., “Identiti Sosial, Kuasa dan Kearifan Tempatan: Kajian dalam Sistem Politik Melayu dalam Era Globalisasi,” dalam *Wacana Warisan, Pelancongan dan Seni dalam Kearifan Tempatan*, ed. Nazaruddin Zainun (Pulau Pinang: Penerbit USIM, 2015).

<sup>2</sup> Rohaniza Idris, “Malaysia Peneraju Pasaran Halal Dunia – TPM”, laman sesawang Berita Harian, dicapai 25 Mac 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/316552/malaysia-peneraju-pasaran-halal-dunia-tpm>.

<sup>3</sup> Norazilawati Md Dahlal, *Pengurusan Kualiti Makanan Halal* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 16.

Pada tahun 1997, Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM10 bilion untuk mengimport makanan. Perbelanjaan sebanyak ini membuatkan kerajaan mula menyedari bahawa usaha untuk meningkatkan aspek keselamatan makanan negara adalah sangat penting. Justeru, kerajaan telah memulakan langkah melalui pengeluaran makanan sendiri dan menyusun strategi bagi mengurangkan kebergantungan terhadap makanan import. Sektor pertanian dan perternakan merupakan rangkaian terpenting dalam industri pemprosesan makanan negara. Berdasarkan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3, 2006-2020), perkembangan aktiviti pemprosesan makanan telah menghasilkan peningkatan eksport makanan proses sebanyak 10.8 peratus daripada nilai eksport dari tahun 1996 hingga tahun 2005. Catatan ini menunjukkan kejayaan pihak kerajaan dalam menyediakan usaha untuk sekuriti makanan negara dan bebas daripada sebarang inflasi kesan kenaikan harga barang.<sup>4</sup>

Selain itu, perubahan gaya hidup dan kecenderungan pengguna serta kemajuan teknologi pertanian dan pemasaran telah memberikan impak yang hebat terhadap permintaan makanan proses. Perkembangan dalam sektor industri pemprosesan makanan telah berjaya mengeksport produk makanan proses ke 80 buah negara dan eksport tahunan negara mencapai RM5 billion. Antara faktor lain yang turut menyumbang kepada perkembangan industri negara, kedudukan, kestabilan dan kemakmuran negara merupakan antara faktor yang menyebabkan pengeluar makanan ternama seperti Nestle dan F&N membuka kilang pemprosesan makanan mereka di negara ini. Selain itu, dengan kecanggihan dan kemajuan infrastruktur yang wujud dalam negara serta beberapa insentif pelaburan yang disediakan oleh pihak kerajaan juga menambahkan lagi daya tarikan kemasukan pengeluar makanan asing untuk membuka perusahaan mereka di negara ini.<sup>5</sup>

Sehubungan perkembangan dalam industri pemprosesan makanan ini, Malaysia turut mengambil peluang keemasan untuk membangunkan ekonomi dalam sektor makanan halal. Makanan halal telah dikenal pasti sebagai satu bidang pertumbuhan sasaran bagi sektor pemprosesan makanan dan juga sebagai sektor

---

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

terpenting dalam bidang Ekonomi Utama Negara atau *National Key Economic Area* (NKEA). Melalui kelebihan ini, Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah menjadikan produk makanan yang berasaskan konsep halal sebagai sasaran utama pembangunan ekonomi negara.<sup>6</sup>

Sejarah pensijilan halal dalam negara bermula pada tahun 1974 hingga kini. Ia boleh diringkaskan seperti berikut:

| <b>Tahun</b> | <b>Aktiviti Pengurusan Halal</b>   |
|--------------|--|
| 1974         | Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan surat pengesahan halal bagi produk yang memenuhi kehendak syarak.                                  |
| 1994         | Pengesahan halal mula diberikan dalam bentuk pengesahan berserta logo halal. Unit Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam ditubuhkan di bawah Pusat Penyelidikan, BAHEIS.                       |
| 1998         | Malaysia melantik Syarikat Ilham Daya untuk menjalankan pemeriksaan halal dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pula mengeluarkan sijil pengesahan halal.  |
| 2002         | Malaysia memutuskan semua urusan pengesahan halal dilaksanakan sepenuhnya oleh JAKIM melalui Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam (MGI).  |
| 2005         | MGI ditukar nama kepada Bahagian Halal.  |
| 2008         | Aktiviti pensijilan halal diswastakan oleh Halal Industry Development Corporation (HDC).   |
| 2009         | Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa tanggungjawab pengeluaran pensijilan halal Malaysia di dalam dan luar negara dikembalikan secara rasminya kepada Bahagian Makanan Halal, JAKIM. |

Bahagian Halal, JAKIM mempunyai misi dan visi yang jelas dalam mendepani arus perkembangan industri halal negara. Misi utamanya adalah memastikan semua produk yang diberikan sijil halal atau yang menggunakan perbhasan halal adalah suci dan halal mengikut lunas-lunas syarak. Visinya pula menjadi sebuah pusat perkhidmatan pensijilan halal yang berwibawa dan diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa. Dalam

<sup>6</sup> *Ibid.*

aspek polisi kualiti, ia terbahagi kepada dua iaitu i) bahagian ini komited memberi perkhidmatan Pensijilan Halal Malaysia yang cekap, cepat, berintegriti, berkredibiliti serta memenuhi keperluan pelanggan berdasarkan undang-undang, peraturan, standard dan garis panduan berkaitan yang diguna pakai di dalam pengurusan Pensijilan Halal Malaysia; dan ii) bahagian ini akan sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan sistem pengurusan kualiti perkhidmatan pensijilan halal Malaysia selaras dengan visi dan misi Bahagian, serta memenuhi keperluan standard ISO/IEC 17065. Objektif kualiti pula mengkaji, mengesah dan mengawalselia semua produk makanan dan barangan guna Islam supaya terjamin suci dan halal dengan cekap dan berkesan.<sup>7</sup>

## **KEARIFAN DAN ELEMEN TEMPATAN DALAM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

Industri halal bukan hanya terhad kepada industri produk yang berasaskan makanan dan minuman sahaja malah ia merangkumi sektor yang lebih besar merangkumi farmaseutikal, kosmetik, penjagaan kesihatan, pembungkusan, logistik, perbankan dan kewangan, jentera pemprosesan dan pembungkusan makanan, pelancongan dan bidang-bidang lain di dalam ekosistem industri halal. Berikut merupakan beberapa aspek kearifan dan elemen tempatan dalam pensijilan halal Malaysia:

### **i. Mazhab Shafii dijadikan rujukan dalam fatwa, standard dan manual pensijilan halal**

Kearifan dan elemen tempatan yang dapat dilihat dalam pensijilan halal Malaysia adalah dominasi kepada pegangan terhadap Mazhab Shafii dalam fatwa, standard halal serta manual pensijilan halal. Hal ini kerana berdasarkan kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri di seluruh Malaysia, pengeluaran fatwa adalah berasaskan kepada pandangan muktamad daripada Mazhab Shāfi‘ī. Walau bagaimanapun sekiranya pandangan Mazhab Shāfi‘ī berlawanan dengan kepentingan awam maka

---

<sup>7</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Visi, Misi, Objektif, Fungsi dan Piagam Pelanggan,” laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai pada 27 Februari 2019, <http://www.islam.gov.my/bahagian-hab-halal/200-visi-misi-objektif-dan-piagam-pelanggan>.

jawatankuasa fatwa akan menerima pakai pandangan daripada Mazhab Ḥanafī, Mazhab Mālikī dan Mazhab Ḥanbalī. Namun begitu, jika tidak terdapat pandangan empat mazhab yang boleh diikuti maka jawatankuasa fatwa boleh membuat fatwa mengikut ijihad *jama'i* tanpa terikat kepada mana-mana pandangan empat mazhab berkenaan. Hanya negeri Perlis berlainan dalam aspek ini dengan memperuntukkan rujukan asal kepada al-Quran dan sunnah.

Selain itu, Mazhab Shafii juga menjadi rujukan utama dalam penentuan standard dan manual pensijilan halal Malaysia. Hal ini boleh dibuktikan melalui MS 2200:2008 di klausa 3.2.2,<sup>8</sup> MS 2424:2010 di klausa 3.3.2<sup>9</sup> dan MS 1500:2009 di klausa 2.1.2<sup>10</sup> dan beberapa standard halal lain yang jelas menyatakan bahawa berdasarkan kepada perundangan Malaysia, “hukum syarak bermakna undang-undang Malaysia dalam Mazhab Shāfi‘ī atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu mazhab sama ada Mazhab Mālikī, Mazhab Ḥanafī dan Mazhab Ḥanbalī yang telah dipersetujui oleh Yang Di-Pertuan Agong dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan atau oleh Raja bagi mana-mana negeri dikuatkuasakan dalam negeri itu atau fatwa yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam”.

## **ii. Standard dan manual pensijilan halal Malaysia dipraktekkan dunia**

Industri halal bukan hanya terhad kepada industri produk yang berasaskan makanan dan minuman sahaja malah ia merangkumi sektor yang lebih besar merangkumi farmaseutikal, kosmetik, penjagaan kesihatan, pembungkusan, logistik, perbankan dan kewangan, jentera pemprosesan dan pembungkusan makanan,

---

<sup>8</sup> Bahagian Hab Halal, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga) (MPPHM 2014)* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Bahagian Hab Halal, 2014), 2.

<sup>9</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010: Farmaseutikal Halal-Garis Panduan Umum* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2011), 6.

<sup>10</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan dan Penyimpanan- Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009), 1.

pelancongan dan bidang-bidang lain di dalam ekosistem industri halal. Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang membangunkan piawaian makanan halal mengikut Standard Halal Malaysia MS 1500:2004. Ternyata, Malaysia mempunyai kelebihan dan kepakaran menerajui industri halal.

Selain itu, JAKIM telah menerbitkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (MPPHM 2014) (Semakan Ketiga). Jabatan Standard Malaysia pula menerbitkan lapan (8) standard halal iaitu MS 1500:2009 Makanan Halal – Garis Panduan Umum berkaitan penetapan garis panduan praktikal bagi pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan produk makanan halal, MS 2424:2010 Farmaseutikal Halal – Garis Panduan Umum berkaitan dengan penetapan garis panduan yang praktikal bagi industri farmaseutikal melalui penyediaan dan pengendalian produk halal farmaseutikal termasuk suplemen kesihatan, MS 1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti – Keperluan daripada Perspektif Islam berkaitan dengan penetapan keperluan Syariah dalam amalan pengurusan kualiti berlandaskan perspektif Islam untuk jaminan kualiti *halalan tayyiban*, manakala MS 2300:2009 Nilai Sistem Pengurusan – keperluan daripada perspektif Islam berkaitan dengan penetapan piawaian dan garis panduan bagi rangka kerja organisasi untuk menubuhkan sistem pengurusan berdasarkan nilai-nilai Islam.

Dalam MS 2400:2010 Siri Halalan – Toyyiban Assurance Pipeline, terdapat tiga siri dalam standard ini iaitu MS 2400-1:2010 iaitu penetapan yang digunakan dalam MS ini ialah keperluan sistem pengurusan untuk jaminan integriti halalan-toyyiban barangan dan/atau kargo yang dikendalikan melalui pelbagai mod pengangkutan, MS 2400-2:2010 ialah penetapan keperluan sistem pengurusan untuk jaminan integriti halalan-toyyiban produk, barangan dan /atau kargo semasa penggudangan dan aktiviti berkaitan, dan MS 2400-3:2010 ialah penetapan keperluan sistem pengurusan untuk jaminan integriti halalan-toyyiban produk dan/atau barang di peringkat peruncitan. Selain itu, Malaysia juga menerbitkan MS 2393: 2010 (P) Prinsip Islam dan Halal-Definisi dan Penjelasan Istilah telah mengariskan makna dan penjelasan istilah yang diguna pakai dalam standard halal yang berasal dalam istilah Arab. Tujuan MS ini disediakan untuk memberi keseragaman dalam pemahaman perkataan yang digunakan dalam



pelaksanaan halal. Manakala MS 2200-2:2012 Barang Gunaan Islam – Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan – Garis Panduan Umum berkaitan dengan penetapan garis panduan bagi penggunaan tulang, kulit dan bulu haiwan.<sup>11</sup>

Pada tahun 2010, Malaysia telah menjadi pengerusi kepada Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan menjadi hab halal dunia. Sejalan dengan ini, Malaysia merupakan negara pertama dunia yang memperkenalkan standard halal secara menyeluruh dan meluaskan konsepnya melalui penggunaan e-halal. Standard halal Malaysia juga telah diguna pakai di peringkat antarabangsa dan mendapat kepercayaan negara-negara OIC sebagai peneraju standard halal di antara negara-negara Islam.<sup>12</sup>

Di Malaysia, usaha untuk membangunkan sesuatu piawaian industri terletak di bawah tanggungjawab SIRIM Berhad. SIRIM Berhad menerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Piawaian Industri “Industry Standards Committee”(ISC) yang ditubuhkannya telah membangunkan pelbagai piawaian termasuk MS1900:2005 Quality Management Systems: Requirement from Islamic Perspectives atau ringkasnya MS1900:2005. MS1900:2005 ini merupakan salah satu piawaian halal yang berjaya dihasilkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Islam yang bernaung di bawah Jawatankuasa Standard Industri bagi Standard Halal (ISC I), iaitu

---

<sup>11</sup> Jabatan Standard Malaysia, *Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives (MS 1900:2005)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2005), Jabatan Standard Malaysia, *Value-based management system – Requirements from an Islamic perspective (MS 2300: 2009)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009), Jabatan Standard Malaysia, *Series on Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline (MS 2400:2010)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010), Jabatan Standard Malaysia, *Prinsip Islam dan Halal-Definisi dan Penjelasan Istilah (MS 2393: 2010)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010), Jabatan Standard Malaysia, *Barangan Gunaan Islam-Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan-Garis Panduan Umum (MS 2200-2: 2012)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2012).

<sup>12</sup> Mohd Al-Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari, “Standard Piawaian Halal di Malaysia Menurut Perundangan, Kelebihan dan Kekurangan,” *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 2, No. 2 (2015), 55-60.

salah satu ISC yang diwujudkan oleh SIRIM Berhad. Walau bagaimanapun, standard halal ini telah diberi tanggungjawab kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam memastikan persijilan halal dan memantau industri halal di Malaysia.<sup>13</sup>

Selain itu, pelbagai agensi yang terlibat dalam menggubal standard halal Malaysia. Antara agensi yang terlibat dalam menggubal standard MS1500:2009 adalah Persekutuan Pekilang Malaysia, Institut Kualiti Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia serta Universiti Teknologi Mara, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan SIRIM Berhad. Ini membuktikan kesungguhan Malaysia dalam memastikan standard halal yang dibangunkan dapat diterima pakai bukan sahaja oleh pengguna dan pengusaha Islam tetapi oleh semua golongan masyarakat terutamanya di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama.<sup>14</sup>

Kelebihan standard halal Malaysia juga terletak pada penggunaan Sistem Jaminan Halal (SJH) yang membantu memastikan status halal bahan mentah, proses dan produk yang mendapat pengiktirafan sijil halal adalah dijaga dan dipantau sepanjang masa secara berterusan. Hal ini dapat mengukuh serta menguatkan lagi standard halal yang digunakan kerana faktor geografi Malaysia yang spesifik dan strategik membantu dalam memastikan halal di seluruh negara setara dan seragam. Dapat disimpulkan, Malaysia mempunyai garis panduan produk halal yang kukuh dan menyeluruh di samping ruang lingkup undang-undang agama Islam sedia ada yang membantu pihak penguasa memantau produk halal di Malaysia serta di negara eksport yang mengiktiraf standard halal yang diguna pakai oleh Malaysia.<sup>15</sup>

### **iii. Muslim Friendly Tourism**

Pusat Pelancongan Islam (ITC) telah ditubuhkan pada 20 Februari 2009 dan secara rasminya dilancarkan pada 16 Mac

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.*

2009 di Auditorium Masjid Negeri Al-Azim di Melaka. Pusat ini berperanan dalam membantu sektor pelancongan Malaysia menjalankan pengurusan yang strategik untuk pembinaan kapasiti perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan Islam. ITC diawasi oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pegawai kerajaan dan profesional utama dalam industri pelancongan dan perhotelan serta institusi pengajian tinggi.<sup>16</sup> Pelancongan dalam Islam adalah aktiviti, peristiwa dan pengalaman yang dilakukan dalam keadaan musafir perjalanan yang sesuai dengan prinsip Syariah Islam.

Menurut perspektif Islam, konsep pelancongan adalah melibatkan perjalanan seseorang individu keluar dari tempat kediaman untuk suatu tempoh yang tertentu dengan tujuan keagamaan ataupun spiritual.<sup>17</sup> Pelancongan dalam istilah arab ialah *ziyara* yang bermaksud perjalanan yang dilakukan untuk mengetahui dan menghayati pembangunan spiritual semata-mata dengan melawat atau berjalan dengan pakar agama, menghadiri program keagamaan atau lain-lain.<sup>18</sup>

Pusat pelancongan Islam menyediakan program latihan pemandu pelancong mesra Muslim. Tujuannya adalah untuk memberi kefahaman konsep pelancongan mesra Muslim di Malaysia dan memastikan kefahaman pelancongan mesra Muslim dapat difahami dengan betul oleh pemandu pelancong Muslim. Program ini hanya terdapat di tiga pusat sahaja iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Putrajaya. Malaysia adalah platform yang terbaik untuk mengembangkan ekonomi Islam untuk pelancongan Islam. Sektor pelancongan Terengganu mencatat kejayaan apabila diiktiraf sebagai Destinasi Mesra Muslim, selain Bandar Aceh, Indonesia. Pengamalan konsep pelancongan mesra Muslim dapat

---

<sup>16</sup> Islamic Tourism Centre, "About Islamic Tourism Centre" laman sesawang *Islamic Tourism Centre*, dicapai pada 25 Mac 2019, <http://www.itc.gov.my/corporate/about-us/>.

<sup>17</sup> Jabil Mapjabil et al., "Pelancongan Islam: Suatu Tinjauan Konseptual dan Relevannya di Malaysia," *Malaysian Journal Society and Space* 11, No 1 (2015).

<sup>18</sup> Noor Fiteri Abdullah dan Masnisah Mukhtar, "Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan," Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik 2014 (Skpi2014), Institut Tanah dan Ukur Negara (Instun), Behrang, Perak.

dilakukan dengan baik seterusnya menjadi pemangkin bagi negeri lain untuk menjadi negeri pelancongan mesra Muslim.<sup>19</sup>

Malaysia diiktiraf sebagai destinasi mesra Muslim nombor satu dunia di dunia kerana kemudahan terbaik dan layanan yang tiada tandingannya. Pelancong yakin bahawa keperluan asas mereka dijaga dengan baik seperti bilik-bilik penginapan ditandai dengan arah kiblat, tandas dilengkapi dengan paip air atau bidet, disediakan sejadah dan pakaian solat di tempat ibadah dan juga dapur hotel menyediakan makanan halal untuk pelancong Muslim. Selain itu, tempat ibadah atau musolla disediakan di kawasan tarikan pelancongan bagi memudahkan pelancong Muslim untuk mengerjakan ibadah, penyediaan restoran-restoran yang disahkan halal JAKIM mudah didapati oleh pelancong dengan status logo halal yang dipamerkan pada restoran tersebut.<sup>20</sup>

Malaysia dijadikan penanda aras terbaik sebagai negara Islam yang mempraktikkan ajaran Islam sehingga mampu menarik perhatian masyarakat dunia lain untuk mengunjunginya. Malaysia mempunyai pelbagai kemudahan untuk pelancong Muslim dari luar negara, terutamanya ruang menunaikan ibadah sama ada masjid atau surau. Terdapat pelbagai jenis masjid yang mempunyai reka bentuk menarik sama ada yang lama dengan karakter dan sejarah tersendiri mahupun moden mampu menarik kehadiran pelancong asing, terutamanya golongan Muslim. Tiga masjid di negara ini iaitu Masjid Putra (Putrajaya), Masjid Negara (Kuala Lumpur) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Shah Alam) disenaraikan sebagai 10 mercu tanda terbaik di Malaysia. Bagi mereka yang bukan beragama Islam, masjid atau tempat ibadah masyarakat Muslim di Malaysia juga menjadi destinasi lawatan mereka kerana mempunyai pelbagai konsep binaan yang menarik. Malah, aktiviti yang dijalankan di dalam masjid menaikkan rasa ingin tahu pelancong kerana ramai menyangka masjid tidak boleh

---

<sup>19</sup> Hanneeyzah Bariah Baharin, "Terengganu diiktiraf destinasi mesra muslim," laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2018/05/430041/terengganu-diiiktiraf-destinasi-mesra-muslim>.

<sup>20</sup> Islamic Tourism Center, "Discover the Muslim-Friendly Malaysia," laman sesawang Islamic Tourism Center, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.itc.gov.my/tourists/discover-the-muslim-friendly-malaysia>.

dilawati. Lebih menarik lagi apabila terdapat pelbagai kakitangan bukan dari badan kerajaan yang menjadi sukarelawan memberi penjelasan kepada pelancong asing mengenai ajaran Islam di Malaysia yang bersifat mesra, mementingkan keharmonian dan menolak keganasan. Penjelasan mengenai ajaran Islam di negara ini memberikan pendedahan kepada pelancong luar negara dan tempatan khususnya yang bukan Muslim bahawa Islam adalah agama yang harmoni.<sup>21</sup>

Selain kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada para pelancong, elemen lain yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim sudah tentunya keharmonian beragama diamalkan oleh masyarakat setempat yang sentiasa menghormati antara satu sama lain. Kebolehan negara mengamalkan konsep kebebasan beragama secara aman yang membabitkan pelbagai kaum dan budaya amat mengagumkan pelancong meskipun Islam adalah agama rasmi. Ia mencerminkan masyarakat di negara ini hidup aman dan menolak keganasan. Justeru, Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan konsep mesra pelancongan Muslim yang bukan sahaja memberi kesan kepada industri pelancongan tempatan tetapi kini menjadi rujukan negara asing sekali gus memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi negara.<sup>22</sup>

#### **iv. Industri makanan tradisional sebagai tarikan pelancong**

Makanan tradisional merupakan makanan yang dihasilkan sejak turun-temurun daripada nenek moyang dahulu. Setiap makanan tradisional yang dihasilkan mempunyai sejarah tersendiri dan telah sebatu sebagai budaya pemakanan rakyat Malaysia. Kebiasaannya, makanan tradisional bermula daripada sesebuah kawasan yang dikaitkan dengan sejarah permulaan penghasilannya yang menyebabkan ia menjadi simbolik kawasan

---

<sup>21</sup> Harian Metro, "Destinasi Mesra Muslim", laman sesawang *Harian Metro*, dicapai pada 4 Jun 2019, <https://www.hmetro.com.my/santai/2018/08/372135/destinasi-mesra-muslim>.

<sup>22</sup> *Ibid.*

berkenaan.<sup>23</sup> Contohnya, Nasi Dagang berlaukkan kari ikan tongkol dan keropok lekor adalah satu contoh makanan tradisi dari Terengganu. Kelantan pula terkenal dengan sajian Nasi Kerabu dimakan bersama budu. Manakala makanan tradisi Pahang pula adalah ikan patin masak tempoyak. Laksa Penang dan sajian pasembor adalah masakan tradisi Pulau Pinang.

Di Selangor, banyak juga masakan yang terpengaruh dengan gaya orang Jawa. Antara makanan tradisi adalah Nasi Ambeng. Sate Kajang juga merupakan antara yang masyhur di Selangor. Kalau singgah ke Johor, sudah tentu terbayang masakan tradisinya yang popular iaitu Mi Bandung Muar. Di Melaka pula tidak dapat dipisahkan dengan makanan tradisinya iaitu cencaluk. Udag geragau yang digunakan di dalam cencaluk sebagai hidangan tradisi, menjadikan cencaluk kaya dengan protein. Di Negeri Sembilan pula terkenal dengan Masak Lemak Cili Padi sebagai sajian tradisinya. Perbezaan gaya hidup yang mencambahkan pelbagai jenis masakan merupakan satu keindahan yang ada di Malaysia. Semuanya mempunyai keunikan dan rasa istimewa yang tersendiri. Meskipun ia merupakan makanan tradisional pada setiap negeri, namun ia boleh diperluaskan dengan memperkenalkan makanan ini ke peringkat tempatan dan antarabangsa. Ini jelas menunjukkan makanan tradisional boleh menjadi salah satu tarikan pelancongan yang popular dan mendapat permintaan yang tinggi. Ini adalah kerana makanan tradisional merupakan ekspresi kepada budaya, sejarah, dan gaya hidup masyarakat tempatan.

Selain itu, pelancong asing yang datang ke Malaysia boleh melihat sendiri keunikan masyarakat Islam negara ini melaksanakan ibadah puasa dengan pelbagai aktiviti yang meriah sepanjang Ramadan. Semasa bulan Ramadan, pelancong asing gemar mengunjungi Malaysia kerana bukan sahaja meriah dengan aktiviti kerohanian di masjid bahkan mereka mahu menikmati sendiri kesibukan suasana di bazar Ramadan. Apatah lagi Malaysia diperakui dunia dalam industri halal juga menjadi elemen penting

---

<sup>23</sup> Norliza Abd Rahman. "Industri Keropok Lekor di Terengganu sebagai Tarikan Pelancong." dalam *Merekayasa Kearifan Tempatan Budaya, Pelancongan, Arkeologi dan Sejarah*, ed. Nazarudin Zainun dan Darlina Md. Naim (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2013), 55.

yang menarik kehadiran pelancong Muslim kerana mereka mudah mendapatkan makanan dan produk halal.

Di negara ini, pelancong asing boleh mendapatkan makanan halal di mana-mana sahaja dan boleh dikatakan semua restoran makanan segera berjenama antarabangsa juga mempunyai pensijilan halal. Sijil halal yang dianugerahkan kepada pemain industri tempatan daripada badan pensijilan halal negara mempunyai prestij, diperakui seluruh dunia dan tidak diragui. Perkara ini memainkan peranan penting untuk pelancong Muslim kerana mereka tidak akan dapat kemudahan seperti ini di negara lain. Tidak dapat dinafikan lagi kepakaran Malaysia mewujudkan kemudahan makanan halal kepada pelancong Muslim antarabangsa membantu negara untuk menerokai pasaran halal dunia di mana Asean sahaja terdapat 255 juta penduduk Islam dan 1.8 bilion umat Islam di seluruh dunia. Taiwan dan Jepun kini menjadikan Malaysia sebagai petunjuk bagi membangunkan industri pelancongan makanan halal kerana menyedari bahawa status halal mampu memberi kesan positif dalam pelbagai cabang industri.<sup>24</sup>

## **CABARAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

Dalam industri halal global, cabaran yang dihadapi lebih sengit apabila kesemua negara cuba menguasai pasaran halal.<sup>25</sup> Begitu juga dengan industri halal Malaysia turut sama menghadapi pelbagai cabaran semasa dalam mendepani arus perdana, antaranya adalah seperti berikut:<sup>26</sup>

### **i. Ketiadaan peruntukan undang-undang khas berkaitan halal**

Masalah utama pensijilan halal di Malaysia adalah dari sudut perundangan kerana Malaysia tidak mempunyai akta khas

---

<sup>24</sup> Harian Metro, “Destinasi Mesra Muslim”.

<sup>25</sup> Utusan Melayu, “Wujudkan sijil halal tunggal global-TPM,” laman sesawang Utusan Melayu, dicapai pada 20 Februari 2019, <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/wujudkan-sijil-halal-tunggal-global>.

<sup>26</sup> Zulzaidi Mahmood dan Ahmad Hidayat Buang, “Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 20, no. 3 (2012), 281.

berkaitan halal yang terpakai ke seluruh negara. Cabaran utama yang menghalang penggubalan akta ini ialah berkaitan dengan perlembagaan di mana halal adalah berkaitan dengan agama Islam, maka ianya terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh yang demikian, penggubalan sesuatu undang-undang di peringkat persekutuan seperti akta khas berkaitan halal yang menyentuh sesuatu di bawah bidang kuasa negeri akan menimbulkan isu perlembagaan. Tidak dapat dipastikan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini kerana untuk meminda perlembagaan bagi membolehkan penggubalan akta khas berkaitan halal merupakan perkara yang agak sukar untuk dilakukan pada masa kini.<sup>27</sup>

Pada tahun 2011, kuasa untuk pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan penggunaan logo halal terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).<sup>28</sup> Pegawai JAKIM yang terlibat dalam penguatkuasaan melalui pelantikan yang dibuat oleh kementerian tersebut hanya bertanggungjawab untuk melakukan tugas yang berkaitan dengan pensijilan halal.<sup>29</sup> Proses pendakwaan dilakukan oleh KPDNKK ataupun lain-lain agensi penguatkuasaan yang terlibat berdasarkan input daripada pegawai JAKIM. Pegawai JAKIM dipanggil sebagai saksi dalam proses percabaran di mahkamah dan keputusan mahkamah dihebahkan kepada pegawai JAKIM untuk dimaklumkan kepada orang awam.<sup>30</sup>

Justeru, KPDNKK mempunyai kuasa penuh untuk menyita, mengkompaun dan mendakwa mana-mana premis dan rumah sembelihan di Malaysia. Manakala, pegawai JAKIM bertindak sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan saksi bagi kes-kes yang berkaitan termasuklah isu penyalahgunaan logo halal.<sup>31</sup> Ini memperlihatkan bidang kuasa JAKIM yang terhad dan telah menyebabkan penguatkuasaan halal sukar dijalankan

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 Mei 2014.

<sup>30</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 40.

<sup>31</sup> Zalina Zakaria, "Kebekesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia," *Jurnal Syariah* 12, no. 2 (2004), 95-106.



secara berkesan.<sup>32</sup> Malahan pihak JAKIM memerlukan bantuan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pihak Berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi melancarkan proses penguatkuasaan.<sup>33</sup> Sehingga kini, undang-undang yang diguna pakai dalam konteks pentadbiran dan pengurusan halal adalah tidak seragam dan tidak komprehensif.<sup>34</sup>

## **ii. Sistem Jaminan Halal tidak diterapkan kepada industri kecil dan mikro**

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 telah mewajibkan kepada pihak pengurusan syarikat bagi industri multinasional dan sederhana untuk menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalaman, melantik Eksekutif Halal, melantik minima dua orang pekerja Muslim dan mewujudkan Sistem Jaminan Halal dengan merujuk kepada HAS 2011. Manakala, bagi industri kecil, pihak syarikat hendaklah melantik seorang penyelia Muslim dan melantik minima seorang pekerja Muslim. Bagi kategori industri mikro, pihak syarikat hendaklah melantik minima seorang pekerja Muslim.<sup>35</sup>

Secara praktikalnya, pada tahun 2013, JAKIM telah mewajibkan semua permohonan baru bagi industri multinasional dan sederhana untuk melaksanakan Sistem Jaminan Halal dalam pengurusan syarikat. Walau bagaimanapun, Sistem Jaminan Halal tidak diwajibkan kepada industri kecil dan mikro. Ini adalah kerana terdapat beberapa kekangan yang lain antaranya adalah, tidak ada satu sistem pengurusan operasi halal yang tersusun; kesukaran

---

<sup>32</sup> Zulkifli Hasan, "Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan," dicapai 13 November 2013, <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/microsoft-word-halal-di-malaysia1.pdf>.

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Nor `Azzah Kamri et al., "Sektor Halal Malaysia: ke Mana Halal Tujunya?" (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

<sup>35</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 26-28.

menempatkan sistem dokumentasi dan kawalan dokumentasi dengan teratur; serta kekurangan kemampuan dari segi kewangan dan prasarana.<sup>36</sup> Kekangan-kekangan ini memberikan cabaran yang besar kepada pihak JAKIM dan industri kecil dan sederhana.

Selain itu, syarat yang ditetapkan pihak JAKIM kepada industri kecil dan mikro agak longgar kerana hanya dua orang pekerja Muslim atau seorang pekerja Muslim sahaja yang bertugas sepanjang masa di bahagian pengendalian dan pemprosesan produk. Mungkin berlakunya situasi tertentu yang tidak dapat dielakkan di mana pekerja Muslim yang dilantik tidak boleh berada sepanjang masa di bahagian pemprosesan produk seperti sakit, keuzuran, urusan keluarga dan urusan peribadi yang lain yang menyebabkan pekerja Muslim tersebut tidak dapat menghadiri diri ke syarikat berkenaan. Hal ini memberikan cabaran yang besar kepada industri kecil dan mikro untuk mematuhi syarat dan terma pensijilan halal Malaysia yang berteraskan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dalam proses pengeluaran produk halal.

### **iii. Kurang kesedaran halal dalam kalangan industri kecil dan mikro serta pengguna**

Di Malaysia, masih lagi ramai usahawan kecil dan mikro khususnya bumiputera Melayu yang tidak mampu memenuhi kriteria yang ditetapkan pihak JAKIM. Ini adalah kerana kebanyakan daripada mereka mempunyai modal yang terhad dan jika mereka perlu membuat sebarang perubahan, ini menyukarkan mereka memenuhi syarat yang ditetapkan. Bahkan, terdapat dakwaan yang menyatakan JAKIM mengenakan bayaran fi pensijilan halal

---

<sup>36</sup> Sazelin Arif et al., "Kebolehsanaan Sistem Jaminan Halal di Kalangan Pengusaha Restoran di Malaysia: Isu dan Cabaran" (makalah, Paper Proceeding Of The 5<sup>th</sup> Islamic Economics System Conference (IECONS 2013), Fakulti Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur, 1-5 September 2013), 1058.

yang tinggi terutamanya kepada pengusaha kecil dan mikro.<sup>37</sup> Tidak terkecuali pengusaha tempatan Islam yang dilaporkan tidak berminat memohon pensijilan halal dengan alasan hanya melakukan perniagaan kecil-kecilan dan menganggap pengusaha tempatan Islam tidak perlu berbuat demikian kerana urusan mendapatkan sijil halal membebankan.<sup>38</sup> Antara punca kegagalan mendapatkan sijil halal JAKIM adalah tahap kesediaan pengusaha tempatan yang masih rendah.<sup>39</sup>

Selain itu, kebanyakan pengguna masih tetap memilih produk yang telah biasa digunakan walaupun tidak halal berbanding produk halal yang diketahui berada di pasaran. Bagi produk farmaseutikal halal, hanya segelintir bilangan pengguna sahaja yang beralih kepada produk farmaseutikal halal sekiranya dimaklumkan kehadirannya di pasaran.<sup>40</sup> Hal Ini menjelaskan bahawa kesedaran dan pemahaman mengenai halal masih lagi rendah dalam kalangan industri kecil dan mikro serta pengguna Muslim itu sendiri, ia sekali gus telah memberikan cabaran kepada perkembangan industri halal global.<sup>41</sup>

---

<sup>37</sup> Astro Awani, “Jakim perlu permudah kelulusan sijil halal untuk pengusaha Islam,” laman sesawang Astro Awani, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-perlu-permudah-kelulusan-sijil-halal-untuk-pengusaha-islam-ismail-sabri-115645>

<sup>38</sup> Siti Zubaidah Mat Isa dan Mohamad Hafizi Mohd Said, “Sukarkah Mendapat Sijil Halal?,” laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai pada 24 Jun 2014, <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/sukarkah-mendapat-sijil-halal-1.274855>.

<sup>39</sup> Astro Awani, “Jakim perlu permudah kelulusan sijil halal untuk pengusaha Islam,” laman sesawang Astro Awani, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-perlu-permudah-kelulusan-sijil-halal-untuk-pengusaha-islam-ismail-sabri-115645>,

<sup>40</sup> Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013, Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks Nor Aini Haji Idris [noraini@ukm.my](mailto:noraini@ukm.my) Mohd Ali Mohd Noor [ali@ukm.my](mailto:ali@ukm.my). [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013\\_4F5.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_4F5.pdf)

<sup>41</sup> Nazura Ngah, “Tiada badan pensijilan global standard halal,” laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 21 Februari 2019, <http://www.bharian.com.my/node/268263>.

## CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH

Langkah-langkah diperlukan untuk mengatasi masalah ini adalah kerajaan harus memperkenalkan dan melaksanakan peraturan dan peraturan khusus berkaitan halal. Persefahaman dan kompromi yang tinggi di antara negeri-negeri amat diperlukan untuk menyelesaikan isu perlembagaan. Penggubalan akta khas berkaitan halal memberikan kuasa penuh kepada pihak JAKIM selaku badan tunggal yang mengawal selia perkara yang berkaitan halal di Malaysia. Sepertimana yang dilaksanakan di Brunei, kerajaan telah mewartakan Undang-Undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005. Melalui peruntukan yang telah disediakan, kerajaan dengan tegas mewajibkan semua premis dan restoran yang berada di Brunei memiliki sijil halal dan logo. Manakala mana-mana pengusaha premis yang enggan memohon sijil halal khususnya peniaga bukan Islam premis tersebut diberikan sijil 'Bukan Makanan Orang Islam'. Bahkan dengan adanya peruntukan perundangan ini, telah memberikan kuasa penuh kepada Bahagian Makanan Halal, Majlis Agama Islam Brunei untuk menjalankan pemantauan dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan halal.<sup>42</sup> Untuk mendapat manfaat daripada Undang-Undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005, kerajaan Malaysia boleh menghantar pakar untuk memerhati dan berbincang dengan pihak berkuasa halal Brunei mengenai dasar mereka. Ini akan membantu mengenakan hukuman dengan cara pemenjaraan, denda, atau kedua-duanya untuk penipuan dan aktiviti haram.

Untuk menambah baik lagi pensijilan halal Malaysia, Sistem Jaminan Halal perlu diterapkan dalam sistem pengurusan syarikat kepada semua sektor industri. Ini adalah kerana Sistem Jaminan Halal dapat memantau dan mengawal selia pemprosesan produktiviti halal yang berlangsung dalam sesebuah syarikat. Prinsip-prinsip dalam Sistem Jaminan Halal adalah didasarkan kepada komitmen, keperluan pelanggan, peningkatan mutu

---

<sup>42</sup> Dayana Alias (Pegawai Permakanan, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual bersama penulis, 10 November 2014.

tanpa meningkatkan kos dan menghasilkan barangan dari semasa ke semasa tanpa cacat dan tanpa ada yang di kitar semula walaupun tanpa pemeriksaan. Indonesia adalah contoh negara terbaik yang telah melaksanakan Sistem Jaminan Halal kepada semua sektor industri. Malaysia boleh mengambil peluang ini dengan mengadakan kerjasama dua hala dengan Indonesia bagi memantapkan lagi industri pensijilan halal negara. Meskipun Sistem Jaminan Halal sukar dilaksanakan kepada syarikat yang berskala kecil dan mikro kerana terdapat kekangan dalam faktor dalaman dan faktor luaran yang muncul dari dalam organisasi syarikat baik yang di peringkat pentadbiran mahupun pekerja namun perkara ini bukan mustahil untuk direalisasikan dalam kalangan industri kecil dan mikro di Malaysia.

Kurangnya kesedaran dalam kalangan industri kecil dan mikro serta pengguna dapat diselesaikan menggunakan media massa dan media cetak. Kerajaan sewajarnya mengadakan program realiti televisyen dan radio dengan menyediakan slot khas yang melibatkan pegawai daripada Bahagian Hab Halal JAKIM untuk memberikan informasi halal. Platform digital seperti media sosial pula dijadikan sebagai media sokongan untuk memberi maklumat lanjut kepada pengguna dan peniaga.<sup>43</sup> Kesedaran halal juga dapat dipupuk melalui penganjuran karnival halal seperti Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), Halal Fiesta Malaysia (Halfest), Pembangunan Taman Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAP) dan seumpama dengannya. Penyelidik semasa pula harus memperbanyakkan penulisan artikel di akhbar dan majalah tentang kesan negatif dari ketiadaan sijil halal dan logo yang diiktiraf terhadap sesuatu produk makanan dan barang gunaan. Ini adalah kerana isu halal dan haram amat sensitif kepada pengguna Muslim khususnya. Malah kegagalan Malaysia dalam mengurus dan menjaga status barangan halal dikhuatiri akan merosakkan reputasi negara dan merencatkan penglibatan pelabur-pelabur

---

<sup>43</sup> Utusan Malaysia, Halfest indutri Halal IKS tempatan,” laman sesawang utusan Malaysia, dicapai pada 5 Mac 2019, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Korporat/20140913/ko\\_06/Halfest---Ke-arah-memperkasa-industri-halal-IKS-tempatan#ixzz4jZJHy4P5](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Korporat/20140913/ko_06/Halfest---Ke-arah-memperkasa-industri-halal-IKS-tempatan#ixzz4jZJHy4P5).

dari Timur Tengah dan lain-lain negara Islam dalam industri halal negara.<sup>44</sup>

## **PROSPEK PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

Pensijilan halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM telah dikenali di seluruh dunia sebagai logo halal yang dipercayai di peringkat antarabangsa.<sup>45</sup> Buktinya, banyak negara luar membina kilang di negara ini untuk mendapat sijil pengesahan halal Malaysia sebelum dieksport ke negara-negara lain. Walau bagaimanapun, program pendidikan dan pelatihan halal di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang mampu melahirkan graduan-graduan yang kompeten halal. Program pendidikan dan pelatihan halal wajar diperluaskan untuk membantu pihak kerajaan dalam memposisikan Malaysia menjadi hub halal dunia. Penubuhan program di peringkat pengajian tinggi akan berperanan sebagai institusi penyelidikan dan latihan yang mampu membangunkan Malaysia sebagai hub global bagi penghasilan produk dan perkhidmatan halal. Selain itu, menyediakan latihan yang diperlukan untuk sesebuah organisasi atau negara-negara luar bagi meningkatkan potensi masing-masing sebagai pemain utama dalam industri halal global.

## **KESIMPULAN**

Pensijilan halal Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1974. Setakat ini, pensijilan halal telahpun dikenali dipersada antarabangsa kerana memiliki kekuatan yang tersendiri meskipun berdepan dengan beberapa kekangan yang tertentu dari aspek peraturan halal dan penguatkuasaan halal oleh kerajaan. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan harus membuat peraturan

---

<sup>44</sup> Malaysia Kini, "Isu makanan tidak halal boleh ancam negara," laman sesawang Malaysia Kini, dicapai pada 26 Februari 2019, <http://www.malaysiakini.com/letters/155738>.

<sup>45</sup> Norazla Abd Wahab, "Contributions of Malaysia and Singapore in the Development of Halal Industry in the Asean Region," *Asian Journal of Social Sciences & Humanities* 5, no. 2 (2016), 37.

berasingan khusus untuk pensijilan halal. Cadangan pengajian yang dicadangkan dapat menyumbang untuk menyelesaikan masalah pensijilan halal dan membentuk prospek positif ekonomi Islam di Malaysia.

## RUJUKAN

- Astro Awani, “Jakim Perlu Permudah Kelulusan Sijil Halal Untuk Pengusaha Islam,” laman sesawang Astro Awani, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-perlu-permudah-kelulusan-sijil-halal-untuk-pengusaha-islam-ismail-sabri-115645>.
- Bahagian Hab Halal, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga) (MPPHM 2014)* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Bahagian Hab Halal, 2014), 2.
- Dayana Alias (Pegawai Permakanan, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual bersama penulis, 10 November 2014.
- Hanneeyzah Bariah Baharin, “Terengganu diiktiraf destinasi mesra muslim,” laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2018/05/430041/terengganu-diiktiraf-destinasi-mesra-muslim>.
- Islamic Tourism Center, “Discover the Muslim-Friendly Malaysia,” laman sesawang Islamic Tourism Center, dicapai pada 27 Mac 2019, <http://www.itc.gov.my/tourists/discover-the-muslim-friendly-malaysia>.
- Islamic Tourism Centre, “About Islamic Tourism Centre” laman sesawang *Islamic Tourism Centre*, dicapai pada 25 Mac 2019, <http://www.itc.gov.my/corporate/about-us/>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Visi, Misi, Objektif, Fungsi dan Piagam Pelanggan,” laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dicapai pada 27 Februari 2019, <http://www.islam.gov.my/bahagian-hab-halal/200-visi-misi-objektif-dan-piagam-pelanggan>.

- Jabatan Standard Malaysia, *Barangan Gunaan Islam-Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan-Garis Panduan Umum (MS 2200-2: 2012)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2012).
- Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan dan Penyimpanan- Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009).
- Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010: Farmaseutikal Halal-Garis Panduan Umum* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2011).
- Jabatan Standard Malaysia, *Prinsip Islam dan Halal-Definisi dan Penjelasan Istilah (MS 2393: 2010)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010).
- Jabatan Standard Malaysia, *Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives (MS 1900:2005)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2005).
- Jabatan Standard Malaysia, *Series on Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline (MS 2400:2010)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010).
- Jabatan Standard Malaysia, *Value-based management system – Requirements from an Islamic perspective (MS 2300: 2009)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009).
- Jabil Mapjabil et. al, “Pelancongan Islam: Suatu Tinjauan Konseptual dan Relevannya di Malaysia,” *Malaysian Journal Society and Space*, vol 11, no 1 (2015).
- Malaysia Kini, “Isu makanan tidak halal boleh ancam negara,” laman sesawang Malaysia Kini, dicapai pada 26 Februari 2019, <http://www.malaysiakini.com/letters/155738>.
- Mohamad Zaini et al, Identiti Sosial, Kuasa dan Kearifan Tempatan: Kajian dalam Sistem Politik Melayu dalam Era Globalisasi, dalam *Wacana Warisan, Pelancongan dan Seni dalam Kearifan Tempatan*, editor, Nazaruddin Zainun, Pulau Pinang: Penerbit USIM, 2015.



- Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual bersama penulis, 22 Mei 2014.
- Nazura Ngah, “Tiada badan pensijilan global standard halal,” laman sesawang Berita Harian, dicapai pada 21 Februari 2019, <http://www.bharian.com.my/node/268263>.
- Noor Fiteri Abdullah dan Masnisah Mukhtar, “Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan,” Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik 2014 (Skpi2014), Institut Tanah dan Ukur Negara (Instun), Behrang, Perak.
- Nor `Azzah Kamri et al., “Sektor Halal Malaysia: ke Mana Hala Tujunya?” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).
- Norazilawati Md Dahlal, *Pengurusan Kualiti Makanan Halal* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).
- Norazla Abd Wahab, “Contributions of Malaysia and Singapore in the Development of Halal Industry in the Asean Region,” *Asian Journal of Social Sciences & Humanities* 5, no. 2 (2016), 37.
- Norliza Abd Rahman. “Industri Keropok Lekor di Terengganu sebagai Tarikan Pelancong.” dalam *Merekayasa Kearifan Tempatan Budaya, Pelancongan, Arkeologi dan Sejarah*, ed. Nazarudin Zainun dan Darlina Md. Naim. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2013.
- Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013, Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks Nor Aini Haji Idris [noraini@ukm.my](mailto:noraini@ukm.my) Mohd Ali Mohd Noor [ali@ukm.my](mailto:ali@ukm.my). [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013\\_4F5.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_4F5.pdf).
- Rohaniza Idris, “Malaysia Penerajui Pasaran Halal Dunia – TPM”, laman sesawang Berita Harian, dicapai 25 Mac 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/316552/malaysia-penerajui-pasaran-halal-dunia-tpm>.

- Sazelin Arif et al., “Kebolehsanaan Sistem Jaminan Halal di Kalangan Pengusaha Restoran di Malaysia: Isu dan Cabaran” (makalah, Paper Proceeding Of The 5<sup>th</sup> Islamic Economics System Conference (IECONS 2013), Fakulti Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur, 1-5 September 2013), 1058.
- Siti Zubaidah Mat Isa dan Mohamad Hafizi Mohd Said, “Sukarkah Mendapat Sijil Halal?,” laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai pada 24 Jun 2014, <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/sukarkah-mendapat-sijil-halal-1.274855>.
- Utusan Malaysia, Halfest indsutri Halal IKS tempatan,” laman sesawang utusan Malaysia, dicapai pada 5 Mac 2019, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Korporat/20140913/ko\\_06/Halfest---Ke-arrah-memperkasa-industri-halal-IKS-tempatan#ixzz4jZJHy4P5](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Korporat/20140913/ko_06/Halfest---Ke-arrah-memperkasa-industri-halal-IKS-tempatan#ixzz4jZJHy4P5).
- Utusan Melayu, “Wujudkan sijil halal tunggal global-TPM,” laman sesawang Utusan Melayu, dicapai pada 20 Februari 2019, <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/wujudkan-sijil-halal-tunggal-global>.
- Zalina Zakaria, “Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 12, no. 2 (2004), 95-106.
- Zulkifli Hasan, “Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan,” dicapai 13 November 2013, <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/microsoft-word-halal-di-malaysia1.pdf>.
- Zulzaidi Mahmood dan Ahmad Hidayat Buang, “Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 20 (2012).